

# 1000

## CARA PROMOSI DAN TINGKATKAN WEB TRAFFIC ANDA

oleh Code7 , Webmaster Softhands.Com.My  
terbitan RahsiaEbiz.Com



# 100 Cara Promosi

## DAN TINGKATKAN WEB TRAFFIC ANDA

**A**ssalamualaikum wrt dan salam sejahtera buat anda yang telah mendapatkan ebook percuma saya mengenai **100 Cara Promosi & Tingkatkan Traffic Web Anda** merupakan buah tangan istimewa untuk [RahsiaEbiz.Com](http://RahsiaEbiz.Com) iaitu sebuah web portal yang memberi manfaat untuk semua warga Malaysia yang berminat mengetahui selok belok dunia bisnes secara online di Internet.

Di sini saya ingin dedikasikan ebook istimewa ini buat family saya yang tercinta, buat semua client Softhands Creative Studio yang tidak ternilai harganya, buat team Sefitrah.Com, SahabatHijjaz.Net.My, APIUM 1999-2004, SAMTAJ & SMAKL, Hizbut Tahrir dan kepada semua pencinta keamanan sejagat di seluruh dunia.

Semoga dengan usaha kecil di dalam ebook ini dapat dimanfaatkan buat semua dalam mencapai kejayaan dan impian yang dicita-citakan. Terima kasih kepada anda yang sudi membaca dan teruskanlah usaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan tidak kira di mana jua kita berada. Sekiranya anda suka dengan ebook ini bolehlah forwardkan ebook ini kepada rakan anda untuk dikongsi bersama. Moga Allah memberkati dan merahmati kita di dunia dan di akhirat. WA

### Faqir Ilallah,

Code7 aka Mohd Nuur Fahmy Massailan  
Softhands Creative Studio

Copyright © 2007 [RahsiaEbiz.Com](http://RahsiaEbiz.Com)

#### LEGAL DISCLAIMER

The author, publisher, and distributor of this product assume no responsibility for the use or misuse of this product, or for any injury, damage and/or financial loss sustained to persons or property as a result of using this report. While every effort has been made to ensure reliability of the information within, the liability, negligence or otherwise, or from any use, misuse or abuse of the operation of any methods, strategies, instructions or ideas contained in the material herein is the sole responsibility of the reader.

The reader is encouraged to seek competent legal and accounting advice before engaging in any business activity.



Ramai di antara rakan-rakan kita di Internet yang mencari tips mengenai cara promosi, marketing dan advertising yang sesuai bagi web mereka sama ada untuk tujuan personal mahupun bisnes. Di sini saya mengambil sedikit kesempatan untuk menyenaraikan 100 cara promosi yang biasa dilakukan oleh ramai Internet Marketers di Malaysia. Semoga ia dapat membantu anda dlm mempromosikan web secara online ataupun offline. Di sini ada 100 cara promosi untuk tingkatkan traffic web anda seperti berikut :

### # 1

Buat blog dan cerita tentang apa<sup>2</sup> perkembangan tentang web atau diri anda secara lebih dekat. Pengunjung suka cerita dan update perkembangan baru. Search engines juga suka content yang relevant dan fresh spt di [blogger.com](http://blogger.com). Jadikan blog anda sebagai satu alat promosi yang berkesan.

### # 2

Fokus pada 'niche' anda dengan lebih tersusun. Pastikan content web anda berkualiti dan unik. Contohnya spt anda buat web pasal hobi memancing, pastikan anda buat pelbagai tips memancing, reference memancing, produk/service berkaitan, lokasi dan blog mengenai kaki pancing secara lebih terperinci.

### # 3

Letakkan fungsi komponen viral seperti [social bookmarking](#) - del.icio.us , furl, digg, etc

### # 4

Berikan sesuatu percuma 'free stuff' atau 'free download' supaya orang seronok melayari web anda.

### # 5


Sindiketkan content web anda dengan menggunakan function [RSS](#) supaya org lain boleh subscribe di mana<sup>2</sup> RSS reader.

### # 6

Letakkan video di [Youtube](#) atau [Google Video](#) dan masukkan sekali link / url web anda.

### # 7

Gunakan [Flickr](#) atau [Fotolog](#) sebagai batu loncatan promosi gambar-gambar berkaitan dengan web anda. Letakkan gambar yang kelakar atau lucu lebih baik untuk dapatkan publisiti mengenai web anda.





### # 8

Letak radio atau audio / video streaming di web anda bagi menarik pengunjung.

### # 9

Bagi ebook atau report free berkaitan apa<sup>2</sup> niche dan letakkan url web anda di dalamnya.

### # 10

Buat namecard / business card dan letakkan url web anda.

### # 11

Buat logo atau [favicon](#) utk web anda supaya jadikan ia unik dengan identiti tersendiri.

### # 12

Nama domain web anda yang ringkas dan tidak panjang supaya mudah diingati.  
Contoh : yahoo.com , gameboy.com

### # 13

Tak perlu heavy sangat graphic atau animation di web anda, hanya simple tapi padat serta loading time yang pantas bagi sesuatu web yang user friendly.

### # 14

[Navigation button](#) atau [link](#) di web anda yang tersusun dan sistematik supaya mudah dilayari dan tidak mengelirukan pengunjung.

### # 15

Jangan guna frames untuk web anda sebaliknya ganti dengan `<iframe>` , ini kerana loading time bg frame lambat dan banyak tidak compatible dengan beberapa browser.

### # 16

Kurangkan javascript kalau boleh kerana tidak semua web browser compatible atau berfungsi dengan semua jenis javascript.

### # 17

Pastikan tiada broken link di website anda. [Customize page 404](#) supaya boleh link back ke mainpage web anda.

### # 18

Promosi web anda di search engines terutamanya [Google](#) , [Siteadd.Com](#) , [Submitit.Com](#) , [Getsubmitted.Com](#) , [Trafficboost.Com](#)





### # 19

Promosi web anda melalui signature email. Setiap email yang dihantar kepada org lain sebaik-baiknya mempunyai signature url web atau email anda.

### # 20

Tulis artikel di mana2 web atau forum dan letakkan sekali url web anda.

### # 21

Jadi pengguna forum yang beretika dan letakkan signature web anda di setiap posting.

### # 22

Sekiranya web anda ada menawarkan produk/perkhidmatan adalah lebih baik disenaraikan di dalam [Cari.Com.My Classified](#) , [Buysellbid.Com](#) , [Freeclassifiedlinks.Com](#)

### # 23

Promosi percuma web anda di [iklanpercuma.com](#)

### # 24

Rajinkan diri anda untuk komen membina di web blog orang lain dan letakkan url link back ke web anda.

### # 25

Jadikan web anda multi language. Maknanya boleh dibaca dalam pelbagai bahasa.

### # 26

Buat pertandingan online (contest) / trivia quizzes bagi menarik pengunjung.

### # 27


Beri newsletter atau ezines percuma kepada semua orang dengan pengisian yang bermanfaat.

### # 28

Buat kerjasama atau JV melalui [social networking](#) spt blogger di MySpace, friendster, muslimspace, problogger untuk promosikan sesuatu tentang web anda. Contohnya lihat video streaming di web anda etc.

### # 29

Letakkan [keywords di setiap image alt tags](#), ia memudahkan search engines menyenaraikan keyword image anda.



**# 30**

Gunakan [google sitemap](#) untuk web anda.

**# 31**

Guna [WordPress](#) untuk web/blog anda kerana ia SEO friendly.

**# 32**

Gunakan [metatag](#) yang betul untuk web anda.

**# 33**

Traffic Exchange / banner exchange dengan web lain.

**# 34**

Dapatkan PageRank (PR) yang baik di dalam Google dan Search Engine (SE). Belajar memahami dengan baik mengenai SEO Method. Dapatkan ebook mengenai [Google Secrets : How to get top ranking using SEO Method](#) ..free seh.. mmg ebook yang cukup penting..

**# 35**

Buat affiliate programme di website anda. Berikan komisyen dan dpt manfaat drpd win win situation utk anda serta pengunjung web anda. \* [Script Programme Affiliate](#) mampu memberikan banyak keuntungan untuk masa panjang, ramai internet marketers telah berjaya meraih pulangan yang lumayan dengan affiliate programme ini.

**# 36**

Buat page contact us atau feedback utk dapatkan maklumbalas mengenai web anda seterusnya perbaiki mana<sup>2</sup> bahagian yang perlu.

**# 37**


Letakkan fungsi Email this page to friends , Tell A Friends atau Invite Friends ke web anda bagi meningkatkan trafik.

**# 38**

Monitor aktiviti dan statistik web anda dengan [google analytics](#) supaya dapat buat research bahagian web mana yang banyak hits dan eksploitasi segenap peluang yang ada.

**# 39**

Berikan soalan atau jawapan di [yahoo answer](#) dan buat link back ke web anda.





### # 40

Buat customized [toolbar](#) utk web anda dan berikannya percuma kepada semua orang.

### # 41

Gunakan [Google Adwords](#) atau [PPC Campaign](#) utk promosikan web anda.

### # 42

Promosi web melalui brochure, flyer dan buletin.

### # 43

Buat viral marketing ([word of mouth](#)) kepada semua orang seperti rakan kenalan dan keluarga.

### # 44

Buat banner atau simple button utk link ke web anda.

### # 45

Fikirkan sesuatu yang unik bagi web anda supaya orang dapat membezakan web anda berbanding website lain. Contohnya web [protonclub.com](#) mengenai kereta berbeza dengan web [mymode.sefitrah.com](#) mengenai bisnes melalui handphone.

### # 46

Buat video komersial / video reel ttg bisnes web anda dan promosikan di memana web contohnya di forum, blog, portal, classified etc.

### # 47

Beli domain yang pelbagai keywords dan point pada satu tempat utk tingkatkan trafik. Contohnya domain [infobisnes.com](#) , [bisnes2u.com](#) , [tipsbisnes.com](#) dipointkan pada satu tempat yang sama.

### # 48

Buat program offline contohnya motivasi/ceramah/seminar etc dan promosikan web anda.

### # 49

Sponsor program atau buat web percuma bagi memana organisasi pelajar. Contohnya web pelajar universiti, kolej, sekolah, kelab etc.



### # 50

Stay up to date dengan perkembangan semasa dunia. Contohnya ttg ipod, ps3, pc games, entertainment, politic, sports etc. Pastikan anda tidak ketinggalan dalam isu<sup>2</sup> terkini. Orang suka web yang diupdate dan mempunyai nilai dan isu<sup>2</sup> hangat.

### # 51

Buat forum atau portal sendiri kerana ia membolehkan pengunjung mengambil bahagian utk join posting di segmen<sup>2</sup> yang menarik.

### # 52

Letakkan pelbagai games menarik di web anda. Contohnya spt di [miniclip.com](http://miniclip.com)

### # 53

Bina mailing list dengan menggunakan Opt in list. Ia membolehkan anda membuat promosi email marketing dengan cara yang betul tanpa spam.

### # 54

Belanja makan pakar online marketing & web advertising dengan itu kita leh dapat tips yang lebih gempak :)

### # 55

Invest sedikit duit utk promosi dan marketing dengan mendapatkan pelbagai buku, cd, artikel, source berkaitan untuk memperkayakan ilmu strategi dan skill anda. Dengan inilah kita akan jadi lebih pandai dan berjaya...

### # 56

Tulis review di dalam [autoresponder](#) anda mengenai software, music, video, movie, ebooks dan seagainya bagi mendapatkan feedback dan link back ke web anda.

### # 57

Guna shopping cart system utk jual produk dan dapatkan order di web anda. Dengan sistem ini membolehkan anda monitor order dan sales yg telah dibuat dengan lebih sistematik termasuk dapat mengetahui statistik produk yang mempunyai hits atau order tertinggi. Contoh web yang mengaplikasikan [sistem shopping cart](#).

### # 58

Sekiranya bisnes anda jenis MLM dan ingin buat website adalah lebih baik gunakan web yang mempunyai fungsi auto replicator dan auto downline system. Ini kerana ia dapat generate level downline automatik di samping url web replicator yang boleh dimiliki mengikut ID masing-masing. Contoh web yang menggunakan [autodownline / web replicator](#).



### # 59

Dapatkan komen dan review mengenai website anda daripada webmaster yang bertauliah, ini penting bagi mendapatkan tips dan cadangan pembaharuan yg perlu dilakukan bagi meningkatkan trafik web anda.

### # 60

Gunakan [WordTracker](#) bagi mencari keywords yang yang popular dan ranking tinggi dalam search engine seterusnya memanfaatkan keyword tersebut di web anda supaya mendapat ranking yang lebih baik.

### # 61

Submit url web anda di banyak Directory Listing seperti DMOZ.org , sbd.bcentral.com atau lihat listing directory [di sini](#).

### # 62

Reliable web hosting.. gunakan web host yang berkualiti, pantas, 24/7 support dan ada CPanel. Jangan guna web hosting percuma sebab ia ada banyak problem berbanding paid web hosting. Dengan CPanel anda boleh setup guestbook, blog, forum, portal, autoresponder etc dengan beberapa klik mudah sahaja.

### # 63

Belajar daripada pesaing anda. Sekiranya dia melakukan sesuatu yang lain daripada yang lain di websitenya anda juga boleh lakukan lebih baik dari itu lagi.

### # 64

Manfaatkan status instant messenger (YM, MSN, ICQ) sebagai tools yang boleh mempromosikan tentang web anda.

### # 65

JV dengan memana webmaster, internet marketers atau netpreneur bagi menjalankan bisnes yang sesama boleh untung. Contohnya JV dengan webmaster utk buat web/blog atau marketing percuma dan anda akan letakkan iklan service webmaster tersebut di web/blog atau autoresponder anda.

### # 66

Beli text ads atau banner di web yang mempunyai traffic tinggi. Contohnya iklan di [utusan.com.my](#) atau [bharian.com.my](#) yang potensi utk market seluruh malaysia serta trafik lebih daripada 1 juta seminggu.



### # 67

Manfaatkan 'paid advertising offline' seperti buat sticker kereta dan edarkan percuma kepada semua orang biar dapat dilihat dan dapat diingati. Dengan itu kita dapat exposed url web anda melalui car sticker dan meraih trafik serta populariti secara online dan offline.

### # 68

Manfaatkan [PageRank Calculator](#) untuk menganalisis struktur link di web anda dan mengetahui tahap link anda di search engines. Perbaiki atau manfaatkan kelebihan dari populariti link anda.

### # 69

Lakukan sesuatu yang pelik atau kontroversi. Contohnya seperti tips daripada RussellBeattie.com : Here's a traffic tip from Russell Beattie of [RussellBeattie.com](#):

*"Take on Apple. Writing something bad about Steve Jobs or a new Apple product is the sure-fire way to get the zealots in a state of fury. Two days later and I've got 2000+ individual people visiting that post about the iPod photo, over 52 comments and lots of emails. This is to be expected of course, but of the two or three times that I've done it and gotten such a response, it still surprises me."*

### # 70

Letakkan fungsi Add to favourites / Bookmark this page di web anda. At least ia memudahkan orang membuat rujukan nanti.

### # 71

Beri artikel tips percuma yang ada link back ke web anda pada pengunjung spt 10 tips menjimatkan prepaid handphone etc. Buat sesuatu yang bermanfaat untuk orang lain ia akan memberi manfaat kepada anda juga.

### # 72


Develop web anda menggunakan konsep [CTPM](#).

### # 73

Volunteerkan diri anda menjadi moderator memana segmen di forum yang besar terutamanya di [www.terato.com](#) , [www.webkl.net](#) , [www.jiawang.org](#) etc

### # 74

Buat testimoni mengenai apa<sup>2</sup> produk / service yang anda suka di web bagi menarik perhatian orang ramai membacanya.





### # 75

Sekiranya bisnes web anda menjual produk fizikal boleh memanfaatkan listing di [froogle.google.com](http://froogle.google.com)

### # 76

Beri diskaun dan kupon istimewa kepada customer yang telah membeli produk / service di web anda.

### # 77

Beli domain yang telah expired tetapi masih mempunyai trafik untuk di'point'kan ke web anda bagi memanfaatkan kesemua trafik yang hilang. Search di yahoo dan google selanjutnya mengenai expired domain names.

### # 78

Interview memana artis, selebriti dan orang<sup>2</sup> glamour mengenai apa<sup>2</sup> isu untuk dimuatkan di web anda.

### # 79

Buat poll / vote di web anda mengenai apa jua yang menarik.

### # 80

Elakkan web anda daripada dibanned oleh google atau search engine dengan membaca ebook [SEO Made Easy](#).

### # 81

Search pasal [how to increase web traffic](#) di google dan belajar sesuatu yang sesuai utk web anda. Ini cara paling mudah untuk belajar secara percuma.

### # 82

Buat tagline yang menarik utk web anda.. contohnya spt Think Different... merujuk pada inovasi Apple, Connecting People (Nokia)... Just Do It (Nike) semua tagline ini mempunyai nilai yang berharga & org akan sampai bebila pun akan igt... igt tagline igt web anda !

### # 83

Buat gimik yang terhebat untuk web anda. Contohnya utk masukkan pencalonan diri anda di dalam Malaysia book of records dalam kategori web terlampau.. (just gimik)... org sukakan sesuatu yang luarbiasa.

### # 84

Iklankan web anda mengikut kategori yang sesuai di [CraigList](#)





## # 85

Jual produk di [ebay](#) untuk charity auction.. boleh buat link back to your website..

## # 86

Berkawan dengan editor majalah atau paper utk mendapatkan peluang review web anda di dalam majalah / paper mereka.

## # 87

Buat t-shirt yang menarik beserta url web anda. Pakai ke mana sahaja sebagai salah satu promosi.

## # 88

Buat aktiviti atau program outdoor menarik utk dimuatkan di dalam web anda. Contohnya program makan meggi di Gunung Kinabalu.

## # 89

Buat tutorial, petua, guideline dan sebagainya tentang apa jua topik spt laman web, rekabentuk grafik, origami, memburu kijang, menangkap burung etc..

## # 90

Pastikan webpage anda dioptimizekan dan mudah dibaca oleh search engines. Check web anda di <http://validator.w3.org>

## # 91

Guna sms untuk promosi web anda.

## # 92

Guna bluetooth utk send picture / wallpaper / mms audio / video berkaitan web anda.

## # 93

Buat online survey dan publish kepada semua orang untuk mengetahui target market seterusnya memperbaiki strategi promosi di web anda.

## # 94

Buat e-card atau online greeting card di web anda yang membolehkan orang ramai menghantar ecard semasa raya, puasa, birthday, friendship etc.. contoh seperti [ecard.sahabathijaz.net.my](#)

## # 95

Buat online photo gallery utk membolehkan pengunjung meletakkan apa<sup>2</sup> gambar di web anda.





### # 96

Buat script / software percuma dan edarkan kepada semua orang. Contohnya script azan dan waktu solat percuma. Boleh letak url web anda di script / software tersebut.

### # 97

Baca ebook mengenai [Do It Yourself Advertising And Promotion](#) dan praktikkan utk diri anda.

### # 98

RSS to email : Mungkin kebanyakan orang tidak suka guna RSS Reader, oleh itu beri pilihan kpd mereka menggunakan service RSS to email melalui [FeedBlitz](#), [Bloglet](#) atau [Rmail](#).

### # 99

Manfaatkan kelebihan podcast sama ada mp3 audio/video di web blog anda dan distributekan semua itu di [feedburner.com](#)

### # 100

Beri subdomain percuma kepada pengunjung anda atau sesapa saja utk create web, blog, forum etc .. contohnya spt [onealienz.softhands.com.my](#) ..

## ... nak lagi ??

Boleh layari [RahsiaEbiz.Com](#) untuk mendapatkan banyak info tips bisnes secara online termasuk pelbagai ebook berkaitan dengan ebiz.

Terima kasih kerana sudi membaca ebook ini dan menambah ilmu serta mengetahui teknik baru dalam promosi web anda. Anda boleh gunakan ebook ini untuk promosi web anda juga sebagai tawaran, bonus percuma dan sebagainya. Sebarkan kepada keng-kawan anda yang lain dan nikmati manfaat penuh di samping berkongsi maklumat yang berguna. Selamat maju jaya dan senyumlah selalu...

### **Rakan siber anda,**

Code7 aka Fahmy

webmaster@softhands.com.my

Terbitan khas untuk **RahsiaEbiz.Com**

